

**NO.SOALAN : 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10367**

**SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada bilangan pegawai perubatan, pegawai perubatan pergigian, penolong pegawai perubatan, penolong pegawai farmasi dan pegawai psikologi yang berkhidmat di institusi penjara adalah cukup untuk merawat dan memulihkan para banduan dalam 36 buah penjara di negara ini.

67

**JAWAPAN:**

**Aspek penjagaan kesihatan penghuni penjara sepanjang mereka menjalani hukuman dan penahanan sentiasa menjadi keutamaan Kementerian Dalam Negeri (KDN) termasuk memberikan perkhidmatan perubatan, pergigian, farmasi dan psikologi.**

**Sebanyak 285 perjawatan merangkumi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Farmasi, Pegawai Psikologi dan Jururawat Terlatih telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk berkhidmat di seluruh institusi penjara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 259 perjawatan telah diisi dan masih berupaya menampung keperluan semasa di semua institusi penjara. Walau bagaimanapun, perbincangan dengan Kementerian Kesihatan untuk menyusul baki perjawatan yang boleh diisi dan sementara menunggu pengisian penuh, tindakan alternatif juga telah diambil seperti menjadualkan pegawai perubatan dari hospital atau klinik kesihatan berdekatan untuk bertugas di penjara dalam tempoh tertentu.**